NewspaperSG

Utusan Melayu maseh mogok

Berita Harian, 23 July 1961, Page 1

Ē

Article also available on Microfilm Reel NL2825



KUALA LUMPUR, Sabtu.
—Mogok 115 orang
pekerja akhbar Utusan
Melayu di-sini masok
hari ketiga hari ini dengan tidak ada sa-barang
titek pertemuan antara
mereka dengan pehak
majikan.

Inche Tajudin Kahar, jurubichara pekerja2 itu hari ini menyatakan kapada Berita Minggu: "Kami sedang menunggu kedatangan Inche Hashim Awang, pengerusi Lembaga pengarah Utusan

Melayu.

"Pehak kami sedia berunding bila masa sahaja untok membuka jalan penyelesaian dan oleh itu kami semalam telah meminta Inche Hashim Awang datang segera.

Pengakuan

"Inche Nordin, salah saorang pengarah dan Tengku
Hassan, manager Utusan Melayu semalam telah memberl
pengakuan bahawa Inche
Hashim Awang akan datang
ka-Kuala Lumpur. Oleh itu,
kami sekarang menunggu
ketibaan-nya sahaja," Inche
Tajudin menambah.

Beliau berkata bahawa pehak-nya "sudah tentu-lah tidak dapat berunding" dengan Inche Ibrahim Fikrl. Ketua Pengarang dan Manging Director baharu Utusan

Melayu.

Ini ia-lah kerana Inche Ibrahim Fikri menjadi salah satu sebab perselisehan antara pekerja2 dan majikan.

Berpiket

Pekerja2 yang mogok itu maseh lagi berpiket di-sekitar kawasan bangunan Utusan Melayu.

Sementara itu, akhbar Utusan Melayu terbit sa-mula hari ini sa-telah terhenti penerbitan-nya dua hari lalu.

Keluaran-nya hari ini hanya sa-helai sahaja dan ia telah di-chetak oleh sharikat Printeraft Limited.

Cherita utama di-muka satu-nya bertajok "Mogok pekerja2 Utusan Melayu 'haram' kata Fikri".

Keluaran istimewa itu diedarkan dengan perchuma.